

InspiraSI

TERKINI DI UPSI



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
الجامعة الإسلامية سلطان ايدريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Bil 18: 4 Mei 2026

Pengajian BKD UPSI lahirkan 431 graduan

Tanjong Malim, 25 April - Program Pengajian Bahasa Kadazan Dusun (BKD) di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) berjaya melahirkan seramai 431 graduan sejak diperkenalkan, sekali gus membuka ruang peluasan kepada bahasa etnik Sabah yang lain.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Ewon Benedick berkata, pencapaian itu membuktikan keberkesanan usaha memartabatkan bahasa etnik melalui sistem pendidikan tinggi yang telah diperkenalkan sejak 2010.

"Saya mengalu-alukan kesediaan UPSI untuk memperluaskan skop pengajian ini kepada Bahasa Etnik Sabah merangkumi etnik seperti Kadazan, Tatana, Murut, Lotud dan Sama," katanya. Beliau berkata demikian selepas mengadakan kunjungan ke UPSI serta menerima taklimat mengenai perkembangan program pengajian BKD yang sudah berjalan selama 16 tahun.

Menurut beliau, kerjasama strategik antara UPSI dan Yayasan Bank Rakyat menjadi pemangkin utama kepada kejayaan program berkenaan, khususnya dalam aspek pembiayaan pelajar.

"Saya berbangga kerana kerjasama antara UPSI dan Yayasan Bank Rakyat terus dilaksanakan bagi menyokong pembiayaan pelajar dalam pengajian Bahasa Etnik di Sabah, Sarawak dan Semenanjung termasuk Orang Asli.

"Pengajian bahasa etnik ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan.

Sebagai bukti walaupun 50 tempat ditawarkan, jumlah permohonan yang diterima melebihi 2,000," jelasnya lagi.

Beliau juga memaklumkan akan mengadakan perbincangan bersama Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Panglima Hajiji Haji Noor berhubung cadangan inisiatif memperkasakan pengajian Bahasa Etnik Sabah di UPSI.

"Usaha ini penting bagi memastikan setiap rakyat Malaysia mempunyai rasa kebersamaan serta identiti bangsa yang terus diperkasa melalui pendidikan. "Saya juga berharap rakyat Malaysia terus menguasai bahasa ibunda masing-masing, bahasa kebangsaan dan sekurang-kurangnya satu bahasa utama antarabangsa," katanya.

Dalam lawatan sama, beliau turut menyantuni mahasiswa Sabah di UPSI menerusi program Ramah Mesra Bersama Pelajar Sabah anjuran Ikatan Sepadu Anak Jati Sabah (IKSAS).

"Saya berharap para pelajar dapat bergraduan dengan jayanya dan kembali ke pangkuan keluarga dengan kejayaan serta iltizam untuk terus maju," katanya.

Pada majlis itu, Ewon menyampaikan sumbangan RM20,000 kepada IKSAS bagi menyokong inisiatif *food bank*, penganjuran Pesta Kaamatan serta penerbitan penyelidikan dan projek akhir semester. Turut hadir dalam majlis berkenaan, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof.Dr.Norkhalid Salimin, Bendahari Mohamad Najib Mohamed, Dekan Fakulti Bahasa dan Komunikasi Prof.Madya Dr.Mohd Abdul Nasir Abd Latif, Ketua Jabatan Bahasa Etnik Dr.Muhamad Fadzilah Hj.Zaimi dan Penyelaras Pascasiswazah Jabatan Bahasa Etnik Dr.Rosliah Kiting. Hadir sama ialah Pengerusi Lembaga Pengarah Amanah, Yayasan Bahasa Kadazandusun (KLF) Datuk Philip Benedict Lasimbang, Ketua Pegawai Eksekutif KLF Rita Lasimbang dan Yang di-Pertua Persatuan Bahasa dan Budaya Bajau (PSBB) Hjh Chendramata Hj Sinteh.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



200 warga UPSI sertai Clean Nation Fun Run sempena OSH Week

Tanjong Malim, 30 April - Program *Clean Nation Fun Run* yang menghimpunkan kira-kira 200 peserta terdiri daripada pelajar dan kakitangan menjadi acara tumpuan sempena Majlis Perasmian Penutupan Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH Week) Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) 2026, hari ini. Menurut Pendaftar UPSI, Helmi Zaifura Abdul Rahman, acara larian santai sejauh 5KM itu dianjurkan bagi memupuk gaya hidup sihat, menggalakkan kecergasan fizikal serta menyemai kesedaran terhadap kepentingan kebersihan dan keselamatan dalam kalangan warga universiti.

Beliau berkata, penganjuran program berkenaan membuktikan bahawa kecemerlangan sesebuah institusi bermula dengan disiplin fizikal dan persekitaran yang bersih. Beliau berkata demikian pada majlis berkenaan yang berlangsung di Dataran Cemerlang Bersama, Kampus Sultan Azlan Shah UPSI

Menurut beliau, program seperti *Clean Nation Fun Run* ini selari dengan aspirasi universiti untuk

UPSI Jadi Pentas Transformasi Bahasa Melayu

Tanjong Malim, 30 April - Dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai wahana ilmu dan jati diri bangsa, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terus memperkukuh peranannya melalui penganjuran Pertandingan Bicara Berirama Piala Naib Canselor UPSI 2026 yang berlangsung pada 29 hingga 30 April 2026.

Program berprestij ini merupakan anjuran Exco Perhubungan Awam dan Korporat, Majlis Mahasiswa Kolej Ungku Omar (MMKUO) Sidang 2025/2026 yang diadakan di Dewan Kolej Ungku Omar serta Panggung Percubaan, Kampus Sultan Azlan Shah.

Mengangkat tema "Pendidikan Menginspirasi, Dunia Bertransformasi", pertandingan

membudayakan keselamatan dan mengungguli kesihatan dalam kalangan warga kampus.

"Kecemerlangan akademik dan tadbir urus tidak akan tercapai tanpa tubuh badan yang sihat serta minda yang cerdas. Program seperti *Clean Nation Fun Run* membuktikan bahawa kecemerlangan bermula dengan disiplin fizikal dan persekitaran yang bersih. Sementara itu, Pengarah Bahagian Pengurusan Risiko dan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan UPSI, Profesor Dr. Haniza Hanim Mohd Zain berkata, penganjuran OSH Week menjadi platform penting dalam meningkatkan kesedaran warga universiti terhadap kepentingan amalan kerja selamat dan sihat.

Beliau berkata program berkenaan bukan sahaja memberi pendedahan mengenai aspek keselamatan di tempat kerja, malah menggalakkan penglibatan aktif warga kampus menerusi pelbagai aktiviti interaktif, ceramah, pameran dan program riadah.

ini menyaksikan persaingan sengit daripada 15 buah sekolah menengah dari seluruh pelosok negara, kini hanya lima kumpulan terunggul berjaya melayakan diri untuk berentap di pentas akhir di Panggung Percubaan, UPSI. Sepanjang pertandingan berlangsung, para peserta telah mempamerkan keupayaan yang memberangsangkan dari segi penghayatan, kreativiti serta penyampaian yang berkesan.

Persembahan bicara berirama yang diketengahkan bukan sahaja menuntut kemahiran berbahasa yang tinggi, malah turut menggabungkan elemen emosi, intonasi dan ekspresi yang mampu memukau juri serta penonton yang hadir.



Penuntut UPSI bolot `takhta' Battle of The Band Karnival Jom Heboh (KJH)

Batu Kawan, 25 April - "Langit pagi masih muda di jalan raya penuh ceria, ada yang mengejar masa, ada juga melupakan nyawa, pandu cermat ingat semua, lampu merah berhenti saja, ikut had laju jangan leka, sampai selamat itu utama".

Demikian antara bait lagu rancak berjudul *Biar Sampai Ciptaan* kumpulan Nada Stereo yang dinobatkan sebagai juara pertandingan *Battle of The Band* sempena Karnival Jom Heboh (KJH) X Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) MADANI 2026 di Stadium Negeri Pulau Pinang, malam kelmarin.

Kumpulan dianggotai lapan penuntut Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) itu berjaya menambat hati juri menerusi persembahan konsert bertenaga menggabungkan elemen rap serta kombinasi pelbagai alat muzik seperti saksofon, perkusi, gitar dan papan nada. Pelajar diploma Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Camaiellya Edward, 20, selaku vokalis utama berkata, lirik lagu tersebut dihasilkan dalam masa kurang dua jam bersama rakan sepasukan dengan bimbingan pensyarah mereka, Muhammad Shakkir Abdul Latiff. "Kami pernah beberapa kali menyertai pertandingan nyanyian sebegini tetapi ini adalah kemenangan

terbesar setakat ini dan kami berlatih selama kira-kira dua minggu untuk memantapkan persembahan selepas terpilih sebagai finalis dalam peringkat saringan bulan lalu. "Sejujurnya kami tidak menyangka dapat tempat pertama kerana persaingan agak sengit dan kami sekadar menyasar kedudukan tiga terbaik," katanya yang sebelum itu berduet menyanyikan lagu bertajuk *Impossible* bersama vokalis, Muhammad Luqman Aliff Asrizal, 23. Lebih istimewa, Camaiellya yang berasal dari Sarawak pernah disenaraikan sebagai peserta peringkat separuh akhir pertandingan Bintang Lagu Klasik Iban 2023 dan bakal mewakili negara dalam *World Championship of Performing Arts (WCOPA)* ke-28 di Las Vegas, Amerika Syarikat, Julai akan datang.

Terdahulu, sebanyak enam kumpulan berentap pada saingan akhir semalam iaitu Tralala dari Universiti Malaya (UM); Scarla dari Universiti Utara Malaysia (UUM); Putra Simfoni, Universiti Putra Malaysia (UPM); Soul Difficulties, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), serta Minit Terakhir dari Universiti Sains Malaysia (USM).

Selaku johan, Nada Stereo membawa pulang wang tunai RM10,000 manakala

ASWARA muncul naib juara dengan hadiah RM7,000 dan UUM di tempat ketiga menerima RM5,000 selain tiga lagi finalis menerima hadiah suguhati RM1,000 berserta trofi iringan dan sijil. Pertandingan tersebut diadili tiga juri profesional iaitu penyanyi popular, Datuk Nash; pengarah muzik, Johan Shamsudin dan Pengarah Pusat Kejuruteraan Keselamatan Jalan Raya & Persekitaran Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), Ts Dr Rizati Hamidun.

Penilaian dilakukan berdasarkan kreativiti, kualiti persembahan keaslian serta keupayaan peserta untuk menggabungkan mesej keselamatan jalan raya berimpak tinggi secara berkesan dalam karya yang diketengahkan. Hadiah kepada pemenang disampaikan Ketua Pegawai Operasi Media Prima OMNiA, Datuk Mohd Efendi Omar, Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Datuk Aedy Fadly Ramli dan Pengarah JPJ Selangor Azrin Borhan.

Pertandingan itu diadakan bersempena sambutan ulang tahun ke-80 JPJ bertujuan menggunakan muzik sebagai medium kreatif untuk menyampaikan mesej keselamatan jalan raya secara santai kepada masyarakat.



Kuala Lumpur
Kongres Pendidikan Bumiputera 2026



Pulau Pinang
Malaysia - The Republic of Turkiye Education Forum 2026



Kuala Lumpur
Lawatan Akademik ke Bank Negara Malaysia dan Career Explore with Bank Islam



Tanjong Malim
Zam Amiri diisytihar Ikon GE META 2025